



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**PPR KEMPAS PERMAI DAN PPR MASAI TERUS KOMITED MEMPERKUKUH  
AGENDA MALAYSIA BERDAYA HUNI DI JOHOR BAHRU**



**Pada 25 Februari 2022** – YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan tinjauan lapangan ke dua buah Program Perumahan Rakyat (PPR) di Negeri Johor iaitu di PPR Kempas Permai, Tampoi dan PPR Masai bagi melihat keadaan semasa PPR tersebut, hari ini.

PPR Kempas Permai, Tampoi, Johor Bahru ini merupakan sebuah projek perumahan yang dibina oleh KPKT yang telah dibina pada tahun 2003 sebelum diserahkan kepada pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri untuk diuruskan. PPR ini mempunyai tujuh (7) blok 17 tingkat dengan keseluruhannya, 2252 unit. Sehingga kini, sebanyak 2197 unit telah diduduki dengan anggaran penduduk sebanyak 8,788 orang. Tinjauan lapangan ini antara lain adalah untuk melihat progres kerja-kerja menaik taraf infrastruktur kemudahan awam yang sedang dilaksanakan serta progres kerja pembinaan PPR yang memerlukan hala tuju baharu.

Menurut YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, bagi memastikan liveability atau daya huni penghuni di PPR terpelihara, KPKT sentiasa menambah baik infrastruktur dan fasiliti di PPR yang terlibat. Untuk itu di PPR Kempas Permai, KPKT sedang giat melaksanakan kerja-kerja penggantian sebanyak 21 unit lif yang melibatkan kos melebihi RM10.0 juta di bawah Program Penyenggaraan Perumahan (PPP). Projek 2 ini telah bermula pada September 2021 dan dijangka akan siap sepenuhnya pada penghujung Januari 2023.

Lawatan YB Menteri KPKT ke PPR Masai pula adalah bagi meninjau status semasa projek yang dikategorikan sebagai sakit ini. Projek PPR ini mempunyai 330 unit rumah pangsa berkeluasan 700 kaki persegi dan tarikh siap asal adalah pada 21 Februari 2021.

Namun begitu, projek sakit ini terlewat dalam kemajuan sebenar selama 312 hari dengan status siap 77%. Kemajuan kerja PPR ini juga telah dibincangkan di dalam War Room Perumahan KPKT dan dilihat memerlukan hala tuju baharu bagi membolehkan ia disiapkan dengan segera.



Menurut YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, "KPKT akan segera mengambil tindakan yang wajar secara fast track dengan mengambil kira tatacara pentadbiran kontrak supaya ianya teratur dan melindungi kepentingan Kerajaan memandangkan penyelesaiannya melibatkan perkara-perkara yang kontraktual". Tambah beliau lagi tinjauan ini penting kerana dalam situasi semasa, KPKT bertanggungjawab untuk merawat keresahan rakyat dalam isu perumahan ini.

Sebagai makluman, PPR merupakan antara inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk mengatasi masalah kekangan perumahan dan juga penempatan semula setinggan bagi yang berkelayakan serta memenuhi keperluan tempat kediaman dalam kalangan golongan berpendapatan rendah (B40). Kadar sewa bagi PPR adalah sebanyak RM124.00 sebulan. Antara ciri-ciri PPR yang dibina adalah setiap unit yang dibina berkeluasan 700 kps dan mempunyai 3 bilik tidur, 2 bilik air, ruang tamu dan dapur bagi menjamin keselesaan penduduk serta kemudahan fasiliti seperti surau, taman permainan dan kemudahan rekreasi.

Turut serta dalam lawatan kerja tersebut ialah YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT serta pegawai kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah KPKT. Selain itu, sesi ini turut dihadiri oleh wakil-wakil daripada agensi Negeri Johor iaitu Bahagian Perumahan, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Timbalan Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Pegawai Daerah Johor Bahru.

KPKT akan terus memfokuskan kepada matlamat menyediakan perumahan yang selesa untuk Keluarga Malaysia yang merupakan agenda utama KPKT dalam merealisasikan matlamat Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) melalui gagasan “Liveable Malaysia atau Malaysia Berdaya Huni”. Ia selari dengan aspirasi dan keprihatinan kerajaan dalam mewujudkan perumahan yang selesa dan mampu milik untuk rakyat.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat